

15 OCT 2003

Apec-Pelancar/I

AMERIKA MAHU PELANCAR ROKET DISEKAT BAGI BANTERAS PENGGANAS

Oleh: Arul Rajoo

BANGKOK, 15 Okt (Bernama) -- Amerika Syarikat mahukan pengeluaran, penghantaran dan penjualan Sistem Pertahanan Udara kendalian mudah alih atau pelancar roket disekat sebagai usaha membanteras ancaman pengganas.

Ketua-pengarah Kementerian Hal Ehwal Thailand, Sihasak Phuangketkeaw berkata, tindakan itu dicadangkan oleh Amerika semasa mesyuarat pegawai kanan (SOM) Ekonomi Kerjasama Asia-Pasifik (Apec) yang berakhir di sini hari ini.

Beliau berkata cadangan itu dibuat oleh pegawai kanan Amerika memandangkan ancaman daripada penggunaan senjata seperti itu, seperti yang berlaku kepada ekonomi Kenya berikutan serangan terhadap pesawat komersial di negara itu tahun lepas.

Pada kejadian Nov, 2002, kumpulan pengganas Al Qaeda dipercayai terbabit dengan pengeboman berani mati di sebuah hotel resort kepunyaan Israel di Kenya yang mengorbankan 13 orang dan pada masa yang sama satu serangan peluru berpandu yang tidak berjaya ke atas sebuah jet sewa khas Israel.

Seramai 10 orang Kenya dan tiga orang Israel terbunuh apabila tiga pengebom berani mati meletupkan sebuah kereta dengan bom di luar Paradise Hotel di Mombasa. Dalam masa beberapa minit, selepas pesawat itu berlepas dari Lapangan Terbang Mombasa dengan 271 orang penumpang, dua peluru berpandu dilepaskan.

Sihasak memberitahu satu sidang akhbar pada akhir SOM bahawa Amerika telah memberitahu mesyuarat 21 anggota negara bahawa ekonomi Kenya terjejas teruk dengan serangan itu, yang menyebabkan kekurangan kedatangan pelancong serta pelaburan asing.

Beliau berkata perkara yang berkaitan dengan senjata seperti pelancar ringan akan dibincangkan oleh SOM tahun depan sementara kemungkinan perkara itu antara topik untuk dibincangkan semasa Mesyuarat Menteri Apec Sabtu ini dan mesyuarat pemimpin Apec Isnin dan Selasa ini.

Presiden George Bush, rakan sejawatannya Vladimir Putin dari Rusia dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad adalah antara 21 pemimpin Apec yang dijangka hadir pada mesyuarat itu.

Terdahulu, Menteri Luar Thai, Dr Sarakiart Sathirathai memberitahu pemberita bahawa Apec akan kekal menjadi sebuah pertubuhan kerjasama ekonomi dan tidak akan menjadikannya sebagai satu forum keselamatan.

"Tetapi ia akan membincangkan isu keselamatan seperti pengganas, jenayah rentas negara dan isu penting membabitkan ekonomi Apec bagi memastikan persekitaran ekonomi bebas dan selamat di rantau ini.

Beliau berkata isu ekonomi akan diberi tumpuan oleh pemimpin Apec pada hari pertama mesyuarat tidak formal mereka pada 20 Okt sementara isu keselamatan membabitkan kerjasama ekonomi dalam rantau Apec akan dibangkitkan untuk dibincangkan pada hari kedua.

-- BERNAMA

AR SSA BK